

Kelas agama

JAN 1988
■ RUMAH Silat di Kallang yang telah siap dibina dengan belanja \$25,000 akan dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen (Perdagangan dan Perusahaan), Haji Sidek Saniff, mulai 7.30 malam esok.

Haji Sidek, yang juga Anggota Parlimen Kolam Ayer, akan memeriksa barisan 400 peserta daripada pelbagai perguruan ilmu mempertahankan diri setempat.

Ralat

MELAKUAN SURAT 22 HEWAN LUDANG - 2 JAN 1988
DALAM laporan bergambar yang disiarkan di muka surat 6 dan 7 akhbar ini kelmarin, kami tersilap menuulis jawatan Encik Wong Kan Seng sebagai Menteri Kebudayaan.

Beliau sebenarnya ialah Menteri Pembangunan Masyarakat merangkap Menteri Kedua Ehwal Luar.

Dalam ruangan diari yang disiar-

kan di muka surat 10 akhbar ini semalam pula, laporan pembukaan Rumah Silat di Kallang oleh Setiausaha Parlimen (Perdagangan dan Perusahaan), Haji Sidek Saniff, diberikan tajuk yang salah iaitu 'Kelas agama'.

Kami meminta maaf atas kesilapan tersebut.

Pesilat harus lebih dedikasi untuk pertingkat kemahiran

- 3 JAN 1988

KEPOPULARAN seni silat yang sudah sampai ke peringkat antarabangsa, memerlukan dedikasi yang lebih daripada para pesilat di sini bagi meningkatkan penguasaan terhadap seni pertahanan diri itu.

Selain daripada membaiki mutunya, mereka yang terlibat dalam perkembangan pencak silat setempat juga perlu mempererat hubungan dan semangat setiaawan antara perguruan hingga mencapai taraf kebangsaan dan antarabangsa.

Setiausaha Parlimen (Perdagangan dan Perusahaan), Haji Sidek Saniff berkata demikian, semasa berucap dalam majlis perasmian Rumah Silat, malam tadi.

Dengan tertubuhnya Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang turut dianggotai oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi), kata Haji Sidek, silat telah mencapai ke taraf antarabangsa.

Ia telah menarik perhatian negara-negara seperti Belanda, Yugoslavia, Jerman Barat, Sweden, Sepanyol, Turkey, Austria dan banyak lagi.

Katanya: "Kejuaraan Silat Sedunia yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini begitu memberangsangkan.

"Ini juga bermakna jurulatih dan pesilat harus lebih dedikasi dan menguasai seni ini. Tren yang sama juga berlaku dalam seni pertahanan diri yang lain."

Pengenalan buku yang memperkatakan pencak silat bertajuk *Silat Olahraga* terbi-

Berita Minggu

tan Dewan Bahasa dan Pustaka, yang ditulis oleh Anuar Abdul Wahab, juga membantu memajukan seni tersebut setapak lagi, katanya.

Buku itu mengandungi empat-empat aspek seni silat — sebagai ilmu bela diri, kesenian, kebatinan dan olahraga.

Kata Haji Sidek: "Dengan kemajuan silat yang telah mencapai ke taraf antarabangsa, saya harap seorang penulis akan tampil untuk menterjemahkan buku tersebut atau menulis sendiri karyanya mengenai silat dalam bahasa lain, terutamanya bahasa Inggeris."

Rumah Silat, yang terletak di kawasan ibu pejabat Persatuan Rakyat (PA) di Kallang, disiapkan dengan perbelanjaan hampir \$300,000. Ia merupakan gelanggang silat yang terbesar di sini.

Rumah tersebut mempunyai dua gelanggang (bertutup dan terbuka), sebuah kantin kecil, sebuah pejabat dan tandas.

Ia juga akan dilengkapi dengan perkakas untuk latihan silat dan senaman dengan perbelanjaan kira-kira \$5,000.

Sebanyak 15 perguruan silat yang berdaftar dengan Persisi — antaranya Perguruan Alhak, Panca Sakti, Cekak, Gayong Perwanit, Pencak Sunda, Seligi Tunggal dan Sendeng Belalang — layak menggunakan gelanggang tersebut.

Rumah Silat adalah hasil dari usahasama Persatuan Rakyat, Persatuan Jurulatih Seni Mempertahankan Diri Singapura dan Persisi.